

Konsep kebersamaan teras Universiti Sains Islam Malaysia

SEREMBAN 26 Feb. - Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail menggariskan supaya konsep kebersamaan dijadikan tunjang utama demi meneruskan kegemilangan universiti berkenaan.

Menurutnya, seluruh warga USIM meliputi kakitangan akademik, pentadbiran termasuk penuntut sudah matang serta memahami konsep tersebut dalam usaha me-

ngadaptasinya ke arah kegemilangan.

“Beberapa cabaran masa depan turut digariskan oleh universiti seperti mengintegrasikan ilmu, memupuk keserjanaan ahli akademik, selain menyediakan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif serta pelajar berprofil al-Abrar.

“Adalah menjadi hasrat agar perjalanan tahun 2013 ini berlandaskan tiga pegangan utama iaitu tang-

gungjawab bersama, dikemudikan bersama dan bekerjasama membina dan membawa USIM ke arah kegemilangan,” katanya ketika menyampaikan Amanat 2013 di sini baru-baru ini.

Jelas Asma, warga USIM disarankan agar melakukan transformasi berstruktur dan tidak berharap universiti tersebut meraih kegemilangan secara kebetulan.

“Kesemua cabaran yang saya se-

butkan telah dibincangkan di dalam beberapa bengkel termasuk gabungan dengan pelajar agar konsep tanggungjawab bersama dapat dipraktikkan ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan,” ujarnya.

Tambahnya lagi, sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) yang relevan, beberapa agenda penting turut diberi penekanan termasuk usaha menjenamakan USIM, menyelaraskan Strategi Lautan Biru serta mem-

perkasakan peranan universiti tersebut dalam mempelopori serta memacu bidang Sains Islam.

Pada majlis tersebut, Asma turut mengumumkan penubuhan Institut Sains Islam (ISI), Pusat Komunikasi Strategik (PKS), Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Tabung Perusahaan, Pembiayaan Wakaf dan Islamic Consortium for Academic Quality and Research Advancement (i-IQRA’).